



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mom Luang Jeongjan Kambhu (berbaju cerah) berbual mesra dengan Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin dalam kunjungan muhibah di Kementerian Perhubungan.

Kunjungan hormat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan Thailand, Tuan Mom Luang Jeongjan Kambhu dan rombongan seramai enam orang telah melakukan kunjungan hormat kepada Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas di Kementerian

Perhubungan pada pagi Rabu lepas.

Mereka diiringi oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Diraja Thai, Awang Pong Bua Iam.

Rombongan itu berada di negara ini bagi menghadiri Perundingan Perjanjian Perkhidmatan-Perkhidmatan Udara di antara negara ini dengan Thailand selama dua hari.

Mereka terdiri dari Dr.

Chitti Wacharassindhu, Pengarah Agung Penerbangan Awam; Tuan Pracha Guna Kasem, Pengarah Agung Jabatan Ekonomi; Marshall Udara Tuan Surayute Nivasabute, anggota C.A.B.; Dr. Srisook Chandransu, Timbalan Pengarah Agung Penerbangan Awam dan Tuan Wichitr Wayurakul, Timbalan Naib Presiden 'Corporate Planning' Thailand.

BRUNEI DARUSSALAM- THAILAND RUNDING PERKHIDMATAN UDARA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Perundingan Perjanjian Perkhidmatan-Perkhidmatan Udara di antara Negara Brunei Darussalam dengan Thailand telah berlangsung selama dua hari di Bilik Persidangan, Kementerian Perhubungan di sini bermula hari Rabu lepas.

Ia bertujuan membincangkan teks "Perjanjian Perkhidmatan-Perkhidmatan Udara" dan "Jadual Perjalanan."

Perwakilan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam seramai tujuh orang diketuai oleh Awang Ahmad Dato Paduka Matnoor, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan. Manakala perwakilan Kerajaan Thailand pula diketuai oleh Tuan Mom Luang Jeongjan Kambhu, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan Thailand.

Menurut kenyataan Kementerian Perhubungan, Perkhidmatan Udara Diraja Brunei Boeing 737 ke Thailand yang ada pada masa

ini adalah dijalankan dengan pemberian kebenaran dua kali seminggu oleh Kementerian Perhubungan Thailand.

"Bagaimanapun, selaras dengan pencapaian taraf Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, maka

perjanjian perkhidmatan-perkhidmatan udara yang rasmi dan lengkap adalah diperlukan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand," jelas kenyataan itu lagi.

Isteri perwakilan lawat Pusat Kesenian

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Tiga orang isteri-isteri ahli rombongan perwakilan Thailand ke Perundingan Perjanjian Perkhidmatan-Perkhidmatan Udara di antara Negara Brunei Darussalam dengan Thailand baru-baru ini mempunyai acara sendiri dengan melawat ke pelbagai tempat menarik di sekitar ibu negara.

Di sebelah pagi hari Rabu lepas, Puan Suvalaksana Kambhu isteri Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan Thailand; Puan

Sumanee Guna-Kasem isteri Pengarah Agung Jabatan Ekonomi dan Puan Wayurakul isteri Timbalan Naib Presiden 'Corporate Planning' Thailand telah mengadakan lawatan ke Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan dan Muzium Brunei di Kota Batu.

Di sebelah petang pula, mereka melakukan kunjungan ke Bangunan Peringatan Churchill dan Pusat Pameran Sejarah dan Perkembangan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN dari perwakilan Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Ahmad Dato Paduka Matnor (kiri) dan perwakilan Thai diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mom Luang Jeongjan Kambhu (no. tiga dari kanan) dengan teliti berbincang dalam perundingan itu.

Perubahan jadual peperiksaan G.C.E.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan mengumumkan beberapa perubahan Jadual Waktu/Peperiksaan London GCE 'O' dan 'A' yang diadakan esok, 17 Januari.

Mata-mata pelajaran 361/Mathematics (Syllabus B) I 'O' Level dan 371 Mathematics (Syllabus B) I, 405 Pure Mathematics I dan 420 Pure Mathematics with Statistics I 'A' Level diubah kepada pukul 2.00 petang.

Manakala mata-mata pelajaran 040 Biology 2 dan 200 Integrated Science I 'O' Level dan OII Accounting 2, 041 Biology 2 dan 290 History (British Economic and Social) 2 'A' Level akan diadakan pada pukul 8.00 pagi.

Menurut jurucakap Lembaga Peperiksaan perubahan itu terpaksa dilakukan disebabkan sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan.

Sikap yang membawa kemunduran

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sikap pemalas dan tidak rajin berusaha ditambah lagi dengan suasana dan alam sekeliling yang tidak selesa, disiplin yang tidak rapi di dalam diri penuntut adalah unsur-unsur negatif yang membawa kemunduran.

Sikap sedemikian hendaklah dibuang dan dikikis bagi sesiapa yang ingin maju, bukan sahaja dalam bidang pelajaran bahkan dalam apa jua bidang sekali pun, demikian tegas Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Pegawai Ugama Kanan.

Berucap di Majlis Awal Persekolahan bagi Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, beliau seterusnya

mengharapkan agar penghargaan di atas kejayaan penuntut itu akan memberi dorongan serta semangat dan azam yang kuat supaya mereka akan lebih maju dan berjaya di dalam bidang pelajaran di masa akan datang, yang mana kejayaan mereka itu bukan sahaja merupakan kebanggaan kepada diri mereka sendiri, bahkan menjadi kebanggaan kepada ibu bapa serta keluarga mereka.

Beliau menjelaskan bahawa kejayaan itu juga bukan sahaja kerana kepintaran dan kecerdikan yang ada dalam diri penuntut itu, tetapi kerana rajin berusaha dedikasi penuntut itu sendiri, sikap gigih guru-guru dan alam persekolahan yang selesa semua faktor inilah antara

unsur-unsur yang penting mendorong kejayaan tersebut.

"Bidang pelajaran itu suatu bidang yang manis tetapi bidang kehidupan keseluruhannya adalah lebih mencabar lagi, untuk kemajuan inilah kita mempunyai kaedah-kaedah sendiri dan oleh kerana itu guru-guru dan ibu bapa sering bercakap memberikan nasihat dan kesedaran kepada kita," tambah beliau.

Majlis yang diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar terbaik 1984 itu telah diadakan di Dewan Sekolah berkenaan.

Seramai 55 orang pelajar yang terpilih sebagai pelajar terbaik, telah menerima hadiah yang disampaikan

oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin.

Pelajar Puteri terbaik telah disandang oleh Dayang Siti Mahyana binti Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Terdahulu dari itu ialah penyampaian hadiah-hadiah bagi kegiatan sukan antara rumah-rumah bagi tahun lepas, oleh Pengetua Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Ustazah Noriah binti Haji Mohammad.

Aturcara pagi itu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayangku Siti Nasibah binti Pengiran Haji Ismail.



BERTAKWALAH tuan-tuan kepada Allah Taala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Dalam kita menjalani kehidupan di atas dunia ini banyak peristiwa dapat kita perhatikan berlaku di kalangan masyarakat kita, selain dari melakukan perkara-perkara kebaikan dan kebajikan, ada juga setengahnya tergamak melakukan aniaya terhadap sesama anggota masyarakat.

Sebagai contoh, ada orang tergamak memperdayakan anak gadis sesama orang Islam. Digodanya gadis itu dan apabila sudah masuk perangkapnya lalu dicurahkan janji-janji palsu dan apabila gadis itu sudah eramkan budi dan janji lalu dicerobohi kehormatannya kemudian dia ditinggalkan begitu sahaja menderita menjadi korban perbuatan nafsu. Selain daripada itu tidak kurang pula ada orang tergamak membuat fitnah dan memburuk-burukan nama orang lain kerana hendak mencapai suatu tujuan dan kepentingan diri sendiri.

Ada pula orang yang sampai hati menipu untuk mendapatkan wang atau harta dan lain-lain perbuatan jahat dan aniaya semata-mata kerana kelazatan atau kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan kesusahan dan penderitaan orang lain.

Perbuatan-perbuatan jahat menyakiti orang, menyebabkan orang menderita atau menyusahkan orang lain itu adalah perbuatan-perbuatan aniaya dan zalim

*Digoda gadis itu dan apabila sudah masuk perangkapnya lalu dicurahkan janji-janji palsu dan apabila gadis itu sudah ter-
makan budi dan janji lalu dicerobohi kehormatannya kemudian dia ditinggalkan begitu sahaja menderita menjadi korban perbuatan nafsu.*

JANGAN BERLAKU ANIAYA


yang dilarang agama Islam. Kerana itu sebagai agama yang jujur ke arah kebaikan dan kebahagiaan umat manusia, Islam sangat menggalakkan kita berusaha memberi pertolongan kepada orang-orang yang teraniaya. Ini dapat kita fahamkan daripada hadis-hadis yang disebutkan selanjutnya.

Daripada Umar Radhiallahu anhumata telah berkata ia: "Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam telah ditanya tentang hamba yang paling dikasihi oleh Allah Taala, maka jawab Baginda: Orang yang paling dikasihi oleh Allah Taala ialah orang yang

paling berjasa dan memberi guna kepada manusia. Dan Baginda juga ditanya tentang sebaik-baik amal, lalu Baginda menjawab: Sebaik-baik amal ialah menimbulkan rasa gembira di hati orang mukmin, dia berusaha menghilangkan kelaparan orang, dia berusaha menolong mengatasi kesusahan orang atau dia tolong menjelaskan hutang orang. Barangsiapa berjalan untuk menolong seseorang Islam di dalam menyampaikan sesuatu hajat, maka jadilah perbuatannya itu seumpama puasa selama sebulan beserta pahala iktikafnya sekali. Dan barangsiapa pergi bersama

orang yang kena aniaya bagi maksud menolongnya nescaya Allah tetapkan kedua kakinya melintasi Siratul-Mustakim di hari kiamat.

Telah diriwayatkan daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bahawasanya Baginda telah bersabda yang bermaksud: "Barangsiapa menolong orang yang kena aniaya nescaya Allah akan menolongnya di hari kiamat pada melalui Siratul-Mustakim dengan selamat dan akan memasukkan dia ke dalam syurga. Dan barangsiapa melihat orang yang kena aniaya lalu orang kena aniaya itu memohon



pertolongan kepadanya lalu dia tidak menolongnya, nescaya dia akan dipukul di dalam kuburnya sebanyak seratus kali dengan cemeti daripada api."

Oleh hal yang demikian berjaga-jagalah tuan jangan sampai berlaku aniaya dan zalim terhadap orang dalam sebarang percakapan atau

perbuatan sebaliknya jikalau tuan-tuan mendapati orang kena aniaya hendaklah tuan-tuan beri pertolongan kepadanya sampai dia terlepas dari kesusahan dan penderitaan itu. Mudah-mudahan dengan demikian akan bertambah baiklah keadaan masyarakat dan tuan-tuan akan mendapat balasan pahala dari Allah Taala.

BERILMU TANPA IMAN — AKAN SESAT DI PINGGIR JALAN

DI DALAM pergolakan dunia yang maju dan moden ini tingkatan pelajaran manusia semakin ketara tinggi dan maju juga sehingga ilmu pengetahuan yang dicapai oleh manusia itu mampu untuk meneroka alam angkasa lepas dan mampu mengkaji selidik cakerawala bulan, bintang hatta matahari, apatah lagi bumi yang dipijak telah bulat-bulat dalam genggaman takluknya.

Dalam dunia pelajaran yang melonjak tinggi itu tidak kurang pula bencana dan putar-belit insan tambah meningkat. Pendeknya manusia berpelajaran telah kaya dari hasil pelajaran dan ilmu pengetahuan keduniaan itu. Dari pen-

capaian itu lantas dunia membesarkan mata memandang fokus kepadanya, malah telah mempercayainya sebagai manusia pintar dan bijak di samping menaruh harapan kepimpinan dari manusia graduan dan cendekiawan itu —

maka kepercayaan pun bulat ditumpukan kepadanya — dunia mempercayai dan menghormatinya lantas mereka itu lari dan jauh dari mengingati Allah dan tenggala dan khayalan ilmu duniawi mereka — hidayah dan petunjuk Allah sudah tidak ada pada mereka. Ilmu Allah dan agama ditolak ke siring — Iman dan Ilmu ibadat kepada Allah telah dicemuhkan bahkan telah dianggap bahawa Islam itu kolot — Uga itu candu kepada rakyat marhain — tidak layak untuk mereka yang memegang kertas ijazah yang bergulung-gulung.

Andainya terserempak fahaman itu kepada mereka, maka Islam telah memandang mereka itu sebagai manusia yang paling fakir, paling bodoh, paling hina, paling jahil dan yang dahsatnya paling berpenyakit seperti firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 10 yang bererti: Di dalam hati mereka kaum yang munafik itu terdapat penyakit syak, hasad, dengki, putar belit, maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka, dan mereka pula beroleh azab yang tidak terperi sakitnya dengan sebab mereka berdusta dan mendustakan kebenaran. Firman Allah lagi dalam surah Al-Baqarah ayat 16 yang tafsirannya: Mereka itulah orang-orang yang membeli

kesesatan dengan meninggalkan petunjuk, maka tidaklah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk hidayah."

Allah bandingkan mereka seperti keadaan orang-orang yang berniaga yang tidak tahu cara berniaga dengan betul, maka orang-orang yang seperti itu bukan sahaja tidak akan mendapat laba bahkan modalnya pun hilang. Modal yang diibaratkan Allah itu ialah sifat-sifat semula jadi yang suci sejahtera yang dijadikan Allah Taala untuk menerima ugama-Nya dan petunjuk-Nya.

Orang-orang yang menapak, juga akan diper-turut Allah dalam tingkah lakunya menjalankan penyakit yang diimpinya itu — berjaya juga ia memutar-belitkan, mempesona pandangan umum, menjalakan fitnah dengan penyakit hasadnya, menabur budi dengki di tambah dengan pengetahuan politik khianatnya — kadang-kadang Allah dudukkan mereka dimercu kejayaan dan kekuasaan di dunia — tetapi jangan lupa firman Allah selanjutnya di dalam surah Al-Baqarah ayat 12 yang maksudnya: Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya.

Menuju keredaan Allah

Maka suatu ketika Allah pasti membalas dan memperolok-olokan mereka sama ada di dunia dan paling lewat di akhirat. Seperti firman-Nya lagi di dalam surah Al-Baqarah ayat 15 yang bererti: Allah (membalas) memperolok-olok mereka, dan membiarkan mereka meraba-raba dalam kesesatan mereka (yang melampaui batas itu). Allah hilangkan api cahaya yang menerangi mereka dengan membiarkan di dalam gelap-gelita. Dalam keadaan itu masakan mereka boleh terlepas dari balasan Allah kerana Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa.

Demikianlah gambaran Allah kepada mereka yang menjauhi iman dan ajaran Allah yang mencemuh dan mempermainkan kekuasaan Allah Yang kaya dalam Ilmu Keduniaan tetapi miskin dalam pendidikan dan pelajaran ugama sesatya akan berterus-terusan sehingga datang balasan Allah dengan memperolok-olokkan dan membiarkan hidup di dalam gelap tanpa cahaya dan pedoman. Dari itu, kembalilah beramal kebajikan dan tujulah jalan yang betul-betul menuju keredaan Allah sebelum terlewat dan tersasul.



BANDAR SERI BEGAWAN. — Penduduk Kampong Bakut Pengiran Si Raja Muda 'B' telah menyumbangkan derma sebanyak \$732.00 kepada keluarga mangsa kebakaran di Kampong Bakut Pengiran Si Raja Muda 'A' baru-baru ini.

Sumbangan itu disampaikan oleh Ketua Kampong berkenaan, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Tajuddin (no. 3 dari kanan) kepada Pengiran Kuntat bin Pengiran Badar pada malam Selasa minggu lalu di rumah Pengiran Lampoh bin Pengiran Kuntat.

Ketua Kampong Bakut Pengiran Si Raja Muda 'A' dan anak-anak buah kampong berkenaan, juga hadir di majlis itu.

Rumah Pengiran Kuntat telah musnah dalam kejadian kebakaran pada 3 Januari lepas.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI AHLI BOMBA PELATIH

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai AHLI BOMBA PELATIH di Jabatan Pasukan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: Mulai dari \$500.00 sebulan dan selepas berkhidmat selama 6 bulan dengan memuaskan calon-calon yang dipilih akan dinaikkan menjadi Ahli Bomba Kelas II dengan gaji sebanyak \$605.00 sebulan dalam sukatan gaji P.1 — \$605.00-\$885.00 sebulan. Aluan 'P' sebanyak \$100.00 sebulan.

Kelayakan-kelayakan:

- Umur — di antara 18 hingga 28 tahun
- Tinggi — sekurang-kurangnya lima kaki empat inci.
- Dada — sekurang-kurangnya 34 inci.
- Pelajaran — seseorang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan tersebut di atas hendaklah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan I sekolah Melayu atau Darjah yang sebanding di sekolah Inggeris atau lain-lain sekolah.

KESIHATAN:

Pemohon-pemohon hendaklah tidak memakai kaca mata dan mestilah mempunyai badan yang sihat dan tegap dan mendapat kelulusan pemeriksaan kesihatan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan dan Kesihatan Kerajaan.

MENJALANKAN TUGAS:

Calon-calon yang berjaya apabila didaftarkan adalah dikehendaki menjalankan tugas-tugas di mana-mana Balai Bomba di negara ini.

TEMPAT KUMPULAN PENGAMBILAN:

Pengambilan orang-orang baru ini akan diadakan di Kuala Belait, Seria, Tutong, Temburong dan Muara.

- Calon-calon dari Kuala Belait adalah diminta hadir ke tempat pengambilan orang-orang baru di Balai Bomba Kuala Belait pada 4 Februari, 1985 (Hari Isnin) mulai jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.
- Calon-calon dari Seria

adalah diminta hadir ke tempat pengambilan orang-orang baru di Balai Bomba Seria pada 4 Februari, 1985 (Hari Isnin) mulai jam 1.30 hingga 4.00 petang.

- Calon-calon dari Tutong adalah diminta hadir ke tempat pengambilan orang-orang baru di Balai Bomba Tutong pada 5 Februari, 1985 (Hari Selasa) mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.
- Calon-calon dari Temburong adalah diminta hadir ke tempat pengambilan orang-orang baru di Balai Bomba Bangar pada 6 Februari, 1985 (Hari Rabu) mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.
- Calon-calon dari Muara adalah diminta hadir ke tempat pengambilan orang-orang baru di Balai Bomba Muara pada 7 Februari, 1985 (Hari Khamis) mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 1.30 hingga 4.00 petang.

Calon-calon hendaklah membawa bersama-sama mereka sijil-sijil beranak, sijil-sijil pelajaran dan kad-kad pengenalan mereka semasa menghadiri pengambilan tersebut.

Hanya orang-orang yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang dikehendaki seperti yang tersebut di atas diminta menghadiri kumpulan tersebut.

Calon-calon yang lulus ujian pertama diuji dengan bertulis dan siapa-siapa yang gagal dalam ujian itu tidak akan disokong untuk jawatan tersebut.

UJIAN BERTULIS:

Calon-calon yang lulus ujian pertama diuji dengan bertulis dan siapa-siapa yang gagal dalam ujian itu tidak akan disokong untuk jawatan tersebut.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Borang permohonan boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan hendaklah diisi dengan lengkap (dua salinan) dan diserahkan bersama dengan salinan surat akuan dan sijil-sijil kepada Pegawai Pengambilan Bomba semasa menghadiri pengambilan Ahli-Ahli Bomba Pelatih pada tarikh dan tempat yang telah ditetapkan.

DI JABATAN LAUT

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

1. FITAR TINGKAT II: Sukatan Gaji: F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dengan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman praktikal bekerja sebagai Fitar Mekanik atau Kejuruteraan Laut.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan baik tentang alat-alat kelengkapan kejuruteraan laut dan cara menggunakannya.
- Pemohon-pemohon mestilah tahu menggunakan perkakas-perkakas dan lain-lain alat-alat kejuruteraan yang digunakan di dalam sesebuah workshop kejuruteraan.
- Calon-calon akan dikehendaki menjalani Ujian Pertukangan untuk menentukan kecekapan mereka sebagai Fitar Kejuruteraan. Calon-calon yang berjaya akan dikehendaki bertugas di mana saja di seluruh Negara.

2. WIREMAN TINGKAT I: Sukatan Gaji: E.1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya 6 tahun pengalaman praktikal sebagai electrical wireman.
- Pemohon-pemohon mestilah pandai membaca electrical circuit dan rajah-rajah wiring.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan baik tentang alat-alat kelengkapan yang digunakan cara-cara wiring electrical circuit.

- Pemohon-pemohon mestilah tahu tentang pemeliharaan dan 'overhaul' am bahagian electrical starter motor bateri-bateri, generator-generator kecil, peralatan lighting dan electrical motors.

3. WIREMAN TINGKAT II: Sukatan Gaji: F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman praktikal sebagai electrical wireman.
- Pemohon-pemohon mestilah pandai membaca electrical circuit dan rajah-rajah wiring.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan baik tentang alat-alat kelengkapan yang digunakan dan cara-cara wiring electrical circuit.
- Pemohon-pemohon mestilah tahu tentang pemeliharaan 'overhaul' am bahagian electrical starter motors, bateri-bateri, generator-generator kecil, peralatan lighting dan electrical motors.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 11 Februari, 1985.
(Bilangan iklan: 268/1984)
(E/1076/73)

Tawaran Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 4 Februari, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

BIL.: 1/1985
PEMBEKALAN BEAVER GRASS CUTTING MACHINE MODEL SDR 74S.

BIL.: 2/1985
PEMBEKALAN TYRES & TUBES BERMACAM-MACAM UKURAN.

BIL.: 3/1985
PEMBEKALAN BRUSH PAINT BERMACAM-MACAM UKURAN.

BIL.: 4/1985
PEMBEKALAN HOSIERY WIPER OR MUTTON CLOTH (RAG) GRADE: UBCHR 1.

BIL.: 5/1985
PEMBEKALAN POWDER, SCOURING, SPRINKLE CONTAINERS OR 450 GR. EACH, 24 CONTAINERS PER BOX. (VIM, MOVIE ETC).

BIL.: 6/1985
PEMBEKALAN HARPIC No. 6, 250 GM. (LAVATORY CLEANER).

BIL.: 7/1985
PEMBEKALAN BRC WELDED FABRIC MANUFACTURED IN ACCORDANCE WITH BSS: 122.

BIL.: 8/1985
PEMBEKALAN SPARE PARTS UNTUK BEAVER MODEL 74 BERMACAM-MACAM JENIS.

BIL.: 9/1985
PEMBEKALAN PLYWOOD 4' X 8' (WBP) WEATHER BOIL PROOFED MANUFACTURED TO BSS 1455/1872 CONSTRUCTED FROM MENGKUANG THERMO SETTING PHENOLIC ADHESIVE CONFORMING BSS 1203 GRADE B/BB OR EQUIVALENT.

BIL.: 10/1985
PEMBEKALAN HARD-BOARD SHEET BERUKURAN 1/8" 4' X 8'. Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

Sebagai Penyambut Tetamu

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENYAMPUT TETAMU di Jabatan Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: D.1-2-3 EB.5 — \$530-\$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

Calon-calon mestilah sekurang-kurangnya lulus Tingkatan II Inggeris atau Melayu. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman sebagai Penyambut Tetamu.

Tugas-tugas:

- Bertugas menyambut para tetamu RTB (bukan pekerja) yang hendak berjumpa seseorang pegawai RTB. Mereka hendaklah menghubungi pegawai-pegawai tersebut dengan telefon dan selepas menerima kebenaran berjumpa, mereka mestilah mengarahkan tetamu mengambil pass masuk.
- Mengiring para tetamu seperti disebutkan di dalam Surat Keliling RTB yang tertentu.
- Penyambut Tetamu juga diminta menolok melawati tetamu khas RTB jika dikehendaki, seperti yang diberitahu lebih awal kepada Ketua Penyambut Tetamu.

kepada Ketua Penyambut Tetamu.

- Penyambut-penyambut Tetamu juga ditugaskan untuk menjaga keselamatan surat-surat itu disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Surat-surat yang segera dan sulit hendaklah disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan dengan segera.
- Penyambut-penyambut Tetamu bertindak selaku PRO bagi RTB dan dengan itu mereka mestilah menunjukkan peribadi bersopan santun dan berbudi-bahasa.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 11 Februari, 1985.

(Bilangan iklan: 269/1984)
(E/810/73).

RADIO TELEVISION BRUNEI TENDER NOTICE

NOTICE OF TENDER

TENDER No. RTB/1/85 — SUPPLY OF RS COMPONENT PARTS FOR RADIO TELEVISION BRUNEI

1. Tenders are invited from local suppliers, agents and distributors of RS Components Ltd. for the tender as specified:

SUPPLY OF RS COMPONENT PARTS FOR RADIO TELEVISION BRUNEI

2. Tender must collect tender document from the office of Superintendent Engineer, Radio Television Brunei. On collection of tender document a deposit of B\$200.00 shall be required.

3. Tender submission must be made on the forms provided by Radio Television Brunei.

Conditions of Tender

- TENDERS should be submitted to the Chairman of the Tenders Board, Fourth Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than twelve noon on Monday, 28th January, 1985.
- Tenders received later than the above date shall not be considered.
- Tenders should be forwarded in a plain sealed envelope which should not bear any indication of the identity of the tenderer, however, the reference number of the tender must be clearly indicated.
- Tender documents, where applicable, or further information may be obtained on application to the Director, FAO Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Where tender documents are issued, tender returns must be made on the forms provided.
- Where a tender deposit is required this will be refunded to all who submit genuine but unsuccessful tenders.
- All tenders, which should provide the net C.I.F. by air-freight price, must also quote the latest shipment date for the goods. Failure by a successful tenderer to meet this obligation may, at the discretion of the Director of Radio Television Brunei, result in cancellation of the order, particularly if RTB's operations or obligations are in any way compromised as a result of such delay. In such cases any tender deposit paid shall be forfeited.
- Warranty period and conditions shall be clearly stated in any tender.
- Tenderers agree that prices shall remain valid for a minimum of 90 days from the close of tender date.
- Goods are not to be consigned directly to Radio Television Brunei from an overseas Manufacturer or Supplier and therefore must include 20% Import Duty.
- The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.